MAIMUNAH BTE HASSAN (SEBAGAI WAKIL HARTA PUSAKA ROZITA BTE. KHAMIS) & SATU LAGI

lwn.

MARIMUTHU S/O SAMANATHAN & SATU LAGI

HIGH COURT, SEREMBAN
DATO' HJ. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD H.
[CIVIL SUIT NO. 25-3-1988]
5 SEPTEMBER 1992

TORT: Kemalangan membawa maut dan kecederaan - Sama ada penunggang motosikal yang tidak mempunyai lesen pemandu, cukai jalan dan polisi insuran cuai - Bukti kecuaian - Sama ada plaintif-plaintif iaitu pembonceng-pembonceng motosikal cuai serta.

PENTAFSIRAN STATUT: Seksyen 12(1) Akta Undang-undang Sivil 1956 - "Orang-orang yang mengalami kerugian sebahagiannya akibat daripada kecuaiannya sendiri".

AMALAN DAN PROSEDUR: Dokumen-dokumen yang telah dipersetujui - Arahan amalan 1/1948 - Arahan amalan 1/1948 - Arahan amalan 1/1969 - Arahan Amalan 3/1970.

Defendan pertama yang memandu sebuah lori yang dimiliki oleh defendan kedua telah melanggar sebuah motosikal yang ditunggani oleh Khamis bin Sabudin serta plaintif-plaintif sebagai pembonceng-pembonceng apabila defendant pertama memasuki arus jalan plaintif-plaintif.

Isu-isu yang timbul adalah:

(1) Sama ada penunggang motosikal cuai;
(2) Sama ada pelanggaran Kaedah-kaedah Lalulintas dan Akta Pengangkutan Jalanraya 1987 dengan sendirinya bukti kecuaian.
(3) Sama ada plaintif-plaintif iaitu pembonceng-pembonceng motosikal cuai serta.

Diputuskan:

1. Liabiliti

(a) Defendan pertama adalah bertanggungjawab seratus peratus diatas kemalangan tersebut. Penunggang motosikal tidak cuai hanya kerana beliau tidak mempunyai lesen pemandu yang sah, cukai jalan dan polisi insuran yang sah. Pelanggaran Kaedah-kaedah Lalulintas dan Akta Pengangkutan Jalanraya 1987 adalah bukan dengan sendirinya bukti kecuaian.

(b) Bagaimanapun juga, isu sama ada penunggang motosikal itu cuai atau tidak adalah tidak relevan dalam prosiding ini kerana harta pusaka penunggang motosikal bukanlah satu pihak dalam prosiding ini. Plaintif-plaintif sebagai pembonceng sahaja tidak bersalah atau cuai, dan oleh itu, berhak meneruskan tindakan terhadap mana-mana atau kesemua orang yang bertanggungjawab atas kemalangan itu dan adalah terpulang kepada defendan-defendan untuk memohon sebarang indemniti atau sumbangan dengan menambahkan harta pusaka penunggang motosikal itu sebagai seorang defendan atau pihak ketiga. Ini adalah kerana plaintif-plaintif bukanlah orang-orang yang dimaksudkan dalam expressi "any person who suffers damage as the result partly of his own guilty" di bawah peruntukan s. 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956

2. Quantum gantirugi

(a) Dokumen-dokumen yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak tidak perlu dibuktikan secara formal untuk dipermasukkan sebagai keterangan. Ini adalah sejajar dengan Practice Note bil. 1/1948, Practice Note bil. 1/1969 dan Practice Note bil. 3/1970 yang dipinda. Rasional arahan tersebut ialah untuk menjimatkan masa dan kos.

(b) Plaintif pertama telah mati akibat kecederaan-kecederaan yang dialami dalam kemalangan tersebut. Oleh itu award yang dibuat adalah seperti berikut:

(i) Gantirugi am bagi kehilangan kasih sayang (bereavement) di bawah s. 7(3A) Akta Undang-undang Sivil 1956 sebanyak RM10,000

(ii) Gantirugi bagi kesakitan dan penderitaan bagi tempoh 31 Mei 1985 hingga 27 Ogos 1985 sebanyak RM25,000.

(c) Bagi plaintif kedua, award yang dibuat adalah -

(i) Gantirugi am atas kecederaan-kecederaan sebanyak RM93,000

(ii) Gantirugi am untuk ketidakupayaan bagi membuat kerja-kerja rumah yang lebih berat sebanyak RM31,950

(d) Gantirugi khas yang kena dibayar, seperti yang telah dipersetujui sebanyak RM3,000.

(e) Faedah diberi sebanyak 8% setahun atas gantirugi am masing-masing dari tarikh penyerahan writ dan sebanyak 4% setahun atas gantirugi khas sebanyak RM3,300 dari tarikh kemalangan kedua-duanya hingga ke tarikh Penghakiman diberi.

(f) Juga, bagi semua awad kecuali bagi awad sebanyak RM19,800 sepertimana disebutkan di perenggan (iii) diatas faedah diberi sebanyak 8% setahun dari tarikh Penghakiman hingga pembayaran selesai dibuat.

[Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos untuk ditaksirkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Tan Chye Choo & Ors. v. Chong Kew Moi [1970] 1 AER 266 ***(dirujuk)***

Badham v. Lambs [1945] 2 AER 294 ***(dirujuk)***

New India Assurance Co. Ltd. v. Pang Piang Chong & Anor. [1971] 2 MLJ 34 ***(dirujuk)***

Che Wil v. Mahmood bin Ismail [1982] 2 MLJ 354 ***(dirujuk)***

Md. Jailani bin Taat (MM 83292) v. Zoolkiplie bin Haji Abdul Rahman & Anor. [1990] 2 CLJ 256 ***(dirujuk)***

Mallet & Anor. v. Dunn [1949] AER 973 ***(dirujuk)***

Maxfield v. Liewellyn [1961] 3 AER 95 ***(dirujuk)***

Tan Chik bin Ibrahim v. Safety Life & General Insurance Sdn. Bhd. [1987] 1 MLJ 217 ***(dibezakan)***

Yap Choo Hoo v. Tahir bin Yasin & Anor. [1970] 2 MLJ 138 ***(tidak diikuti)***

Hock Hua Bank Bhd. v. World Wide Agencies (M) Sdn. Bhd. & Ors. [1984] 2 CLJ 41 ***(tidak diikuti)***

Official Administrator Malaysia & 4 Ors. v. Yeoh Ah Lee @ Yeoh Bok Lee [1989] 1 CLJ 967 ***(dirujuk)***

Mohamad Yassin bin Isa & 2 Ors. v. M.C.W. Express Sdn. Bhd. & 4 Ors. [1988] 1 CLJ 831 ***(dirujuk)***

Muniandy & Anor. v. Mohamed bin Abdul Ghani [1986] 1 MLJ 341 ***(dirujuk)***

Ngooi Ku Siong & Anor. v. Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 31 ***(dirujuk)***

Chua Kia v. Goh Kian Tiong & Anor. (Digest 1539 November, 1989) ***(dirujuk)***

Rasul bin Rabdar v. Loh Ah Mudy (Digest 78 January, 1989) ***(dirujuk)***

Lau Ee Ee v. Tang King Kwong [1986] 1 MLJ 308 ***(dirujuk)***

Daly v. General Steam Navigation Co. Ltd. [1980] 3 AER 696 ***(dirujuk)***

Yang Salbiah & Anor. v. Jamil bin Harun [1981] 1 MLJ 292 ***(dirujuk)***

Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v. Savastine Anthony s/o Francis [1991] 1 CLJ 503 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Undang-Undang Sivil 1956, ss. 10(1) & (2), 12(1), 7(3A)

Ordinan Lalulintas Jalanraya 1958, s. 80(1)

Akta Keterangan 1950, s. 73A

Sumber lain yang dirujuk:

"Practical Approach to Assessment Of Liability And Damages In Tort" oleh R.K. Nathan m.s. 279-280

Bagi pihak plaintif - Gunaretnam & Co.

Bagi pihak defendan - Gill & Tang

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor Bin Hj. Ahmad H:

Dalam kes ini plaintif-plaintif menuntut gantirugi akibat kemalangan jalanraya yang melibatkan kematian. Plaintif pertama (simati) berumur 8 bulan, adalah anak kepada Khamis bin Sabudin (simati) dan plaintif kedua, berumur 37 tahun, adalah isteri kepada Khamis bin Sabudin. Kemalangan berlaku pada 31 Mei 1985 di Batu $7^{3}/_{4}$, Jalan Pantai, Port Dickson ketika Khamis bin Sabudin sedang menunggang motosikal membawa plaintif kedua sebagai pembonceng dan plaintif pertama didakap oleh plaintif kedua dalam perjalanan dari arah Telok Kemang menuju ke Port Dickson apabila defendan pertama sedang memandu sebuah motolori kecil kepunyaan defendan kedua dari arah bertentangan.

Dari bukti-bukti yang terdapat termasuk rajah kasar saya berpendapat bahawa pelanggaran itu berlaku apabila defendan pertama yang sedang memotong sebuah motokar telah memasuki arus jalan plaintif-plaintif dan bertembung dengan motosikal tersebut. Juga, saya berpendapat bahawa pelanggaran itu tidak disebabkan atau disumbangkan oleh penunggang motosikal tersebut sama ada atas fakta-fakta kemalangan atau atas alasan-alasan yang ketika itu penunggang motosikal tersebut tidak mempunyai lesen pemandu yang sah dan motosikal itu tidak mempunyai cukai jalan dan polisi insuran yang sah untuk membolehkan motosikal itu ditunggang oleh

penunggang tersebut di atas jalanraya. Ini adalah kerana dari bukti-bukti saya berpuashati bahawa sebelum kemalangan itu berlaku penunggang motosikal itu berada di bahagian laluannya dan tidak terdapat sebarang unsur kecuaian dari pihaknya dan lagi, sebarang pengabaian Kaedah-kaedah Lalulintas bukanlah dengan sendirinya bukti kecuaian atas pihaknya dan Akta Pengangkutan Jalanraya 1987 serta kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya hanya mengenakan satu kewajipan awam tapi tidaklah sebagai tambahan bagi mengenakan kewajipan yang boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana individu yang mengalami kecederaan. Sila lihat *Tam Chye Choo & Ors. v. Chong Kew Moi* [1970] 1 AER 266; *Badham v. Lambs* [1945] 2 AER 294; *New India Assurance Co. Ltd. v. Pang Piang Chong & Anor.* [1971] 2 MLJ 34 dan *Che Wil v. Mahmood bin Ismail* [1982] 2 MLJ 354. Oleh yang demikian saya memutuskan bahawa defendan pertama adalah bertanggungjawab seratus peratus di atas kemalangan tersebut.

Sekiranya pendapat saya itu salah, saya berpendapat lagi bahawa isu sama ada penunggang motosikal itu cuai atau tidak adalah tidak relevan dalam prosiding ini kerana harta pusaka Khamis bin Sabudin (penunggang motosikal) bukanlah satu pihak dalam prosiding ini. Plaintif-plaintif sebagai pembonceng sahaja tidak bersalah atau cuai, dan oleh itu, berhak meneruskan tindakan terhadap mana-mana atau kesemua orang yang bertanggungjawab atas kemalangan itu dan adalah terpulang kepada defendan-defendan untuk memohon sebarang indemniti atau sumbangan dengan menambahkan harta pusaka penunggang motosikal itu sebagai seorang defendan atau pihak ketiga. Ini adalah kerana plaintif-plaintif bukanlah orang-orang yang dimaksudkan dalam expressi "any person who suffers damage as the result partly of his own guilty" di bawah peruntukan s. 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 [sila lihat *MD. Jailani bin Taat (MM 83292) v. Zoolkiplie bin Haji Abdul Rahman & Anor.* [1990] 2 CLJ 256; *Mallet & Anor. v. Dunn* [1949] AER 973 dan *Maxfield v. Liewellyn* [1961] 3 AER 95 per Ormerod L.J. @ 96 paragraph H1 dan per UPJOHN L.J. @ 97 paragraph FG]. Sungguhpun dalam kes *Tan Chik Bin Ibrahim v. Safety Life & General Insurance Sdn. Bhd.* [1987] 1 MLJ 217 Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa pembonceng motovespa tidak boleh menuntut sebahagian dari penghakiman terhadap responden, iaitu, Syarikat Insuran yang menginsurankan motolori yang bertanggungjawab dalam satu kemalangan jalanraya sama banyak dengan penunggang motovespa yang membawa pembonceng tersebut, kes itu boleh dibezakan dengan kes di hadapan saya ini. Dalam kes itu, tindakan sivil telah diambil oleh pembonceng terhadap Syarikat Insuran untuk menguatkuasakan penghakiman yang diperolehi terhadap pemandu dan tuanpunya motolori berkenaan dan penunggang motovespa itu dan ianya melibatkan interpretasi peruntukan s. 80(1) Ordinan Lalulintas Jalanraya 1958 dan peruntukan s. 10(1) dan (2) Akta Undang-Undang Sivil 1956; walhal dalam kes ini apa yang terlibat ialah tuntutan gantirugi terhadap 'fortfeasers' kerana kecuaian, yang sepatutnya dipandukan kepada peruntukan s. 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956.

Untuk mentaksirkan quantum gantirugi, Mahkamah berpandukan kepada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif-plaintif yang terbukti di dalam Eksibit P. 4A, P. 4B, P. 4C, P. 5A, P. 5B yang terdapat dalam ikatan Dokumen-Dokumen Yang Tidak Dipersetujui di muka surat 5, 6, 7, 3 dan 8 dan juga di atas lapuran Pakar Otopedik Dr. Tassim R. Mahamooth yang terdapat dalam ikatan tambahan dokumen-dokumen yang dipersetujui (Eksibit B). Eksibit-eksibit P. 4A, P. 4B, P. 4C, P. 5A DAN P. 5B walaupun terdapat di dalam ikatan dokumen-dokumen yang tidak dipersetujui, Mahkamah telah menerima masuk dokumen-dokumen tersebut bukanlah berdasarkan di atas peruntukan s. 73A Akta Keterangan 1950 akan tetapi di atas hakikat bahawa peguam defendan-defendan telah bersetuju dokumen-dokumen tersebut dipermasukkan sebagai keterangan ketika SP2 memberi keterangan. Oleh yang demikian dokumen-dokumen tersebut dianggapkan sebagai sebahagian daripada ikatan dokumen-dokumen yang dipersetujui. Saya berpendapat bahawa adalah tidak etikal dan wajar bagi peguam defendan-defendan kini pula menukarkan fikiran atau pendiriannya memandangkan kepada jenis keterangan atau bentuk dokumen-dokumen demi keadilan. Saya berpendapat bahawa dokumen-dokumen yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak tidak perlu dibuktikan secara formal untuk dipermasukkan sebagai keterangan. Ini adalah sejajar dengan Practice Note bil. 1/1948, Prac-

tice Note bil. 1/1969 dan Practice Note bil. 3/1970 yang dipinda. Sebahagian dari Practice Note yang terakhir berbunyi seperti berikut -

> Because the majority of legal practitioners neglect, either from indolence or ignorance, to avail themselves of the provisions of R.S.C. Order 32, the following directions are issued by the Honourable the Chief justice to stop further wastage of the Court's time.
>
> 1. These direections will apply to **all** claims whether or not arising out of road accidents.
> 2. An **agreed bundle of documents shall in all cases be filed at least seven (7) days before the trial of the action**, comprising all relevant documents the **authenticity of which is not challenged. Proof of any such document by "formal production of the original or a copy thereof (or by) any witness tendering it or producing it in Court" is unnecessary, notwithstanding the views expressed by the judge in [1970] 2 MLJ at p. 140**. This decision is given pursuant to **O. 37 r. 1B(2)(c)**. **The object of thus obtaining admission is to preclude the necessity of formally proving documents or facts admitted**; any party unreasonably refusing or neglecting to admit any document or facts, when called upon to do so - whether pursuant to a notice to admit or agree the inclusion of any document in an agreed bundle of documents - may be ordered to pay the costs of proof occasioned thereby.
> 3. x x x x
> 4. Legal practioners are reminded:
>
> (a) x x x x
> (b) that the provisions of O. 32 may often be resorted to with advantage in addition to the **agreed bundle of documents** and the statement of agreed facts, as an effective means of saving time and costs.

Rasional arahan tersebut ialah untuk menjimatkan masa dan kos. Oleh itu, keputusan Y.A. Hakim Sharma (mendiang) dalam kes *Yap Choo Hoo v. Tahir bin Yasin & Anor.* [1970] 2 MLJ 138 tidak boleh dipakai dan juga kes *Hock Hua Bank Bhd v. World Wide Agencies (M) Sdn. Bhd. & Ors.* [1984] 2 CLJ 41 tidak dituruti kerana ianya melibatkan interpretasi peruntukan s. 73A Akta Keterangan 1950.

Dari Eksibit P. 5A adalah jelas bahawa plaintif pertama telah mengalami luka-luka yang banyak, susah bernafas dan patah 'temporal bone' serta kecederaan otak, dan pembedahan ke atasnya telah dibuat di bahagian perut untuk mengeluarkan darah dari 'abdomen' dan 'ventilation'; mengidap 'pneumonia' yang telah dirawat dengan fisiotherapi dan 'potent antibiotics'; dan ia telah mengidap 'generalized fits' yang telah dirawat. Walaupun ia telah dibawa keluar dari hospital sebelum ia sembuh, dari keterangan SP2 dan Sijil Kematian, saya berpuashati bahawa ia telah mati akibat kecederaan-kecederaan yang ialami dalam kemalangan tersebut. Oleh itu, saya membuat awad seperti berikut -

(1) Gantirugi am bagi kehilangan kasih sayang (bereavement) di bawah s. 7(3A) Akta Undang-undang Sivil 1956 sebanyak RM10,000.
(2) Gantirugi bagi kesakitan dan penderitaan bagi tempoh 31 Mei 1985 hingga 27 Ogos 1985 sebanyak RM25,000.

Bagi maksud taksiran, kecederaan-kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua hendaklah dibahagikan kepada tajuk-tajuk berikut -

(1) Kecederaan di tangan kanan
(2) Kecederaan di tangan kiri
(3) Kecederaan di muka
(4) kecederaan-kecederaan dalam bahagian perut

(a) spleenectomy
(b) nephrectomy (kiri)
(c) luka di hati (liver laceration)

(1) Kecederaan di tangan kanan

Plaintif kedua telah mengalami 'compound communited fracture of the mid-shaft of the right humerus' yang telah dirawat dengan 'hanging cast' tetapi ketidakupayaannya ialah:

parut 4cm x 1cm
'palpable bony deformity'
pendek 1cm
'over-riding and lateral angulation at fracture site by 20 degrees'
tidak boleh mangangkat benda-benda yang berat

Dalam kes *Official Administrator Malaysia & 4 ors. v. Yeoh Ah Lee @ Yeoh Bok Lee* [1989] 1 CLJ 967, awad sebanyak RM7,500, telah dibuat bagi 'fracture of the humerus' tanpa ketidakupayaan. Oleh sebab terdapat ketidakupayaan dalam kes ini, saya membuat awad sebanyak RM10,000 di bawah tajuk ini.

(2) Kecederaan di tangan kiri

Plaintif kedua telah mengalami 'fracture of the radius and the ulna' jenis yang dipanggil 'a monteggia fracture' yang mengakibatkan 'dislocation of the ulna joint'. Rawatan untuk patah 'radius' yang melibatkan pembedahan 'open reduction' dan 'plating of the radius' dengan enam skrew. Dan rawatan bagi patah 'ulna' melibatkan 'rush nailing of the fractured ends'. Luka di siku kiri telah berjangkit dan dimasukkan ke dalam hospital di mana siku tersebut dimanipulasikan bawah 'local anaesthesia'. Juga, tulang yang dijangkiti itu telah bernanah. Ia mengalami ketidakupayaan seperti berikut -

'12cm. longitudinal scar adherent to underlying bone with skin tethering'
'12cm. surgical scar posterior and, lateral aspect of distal forearm'
'25% loss of supination'

Dalam *Mohamad Yassin bin Isa & 2 Ors. v. M.C.W. Express Sdn. Bhd. & 4 Ors.* [1988] 1 CLJ 821 sebanyak RM18,500 telah diawadkan bagi patah-patah yang lebihkurang sama di mana tidak terdapat ketidakupayaan. Dalam *Muniandy & Anor. v. Mohammed bin Abdul Ghani* [1986] 1 MLJ 341 sebanyak RM15,000 telah diawadkan bagi kecederaan-kecederaan yang sama tetapi ketidakupayaan adalah berkurangan. Atas kecederaan ini di mana terdapat ketidakupayaan yang leboh teruk, saya membuat awad sebanyak RM20,000.

(3) Kecederaan di muka

Plaintif kedua telah mengalami kecederaan-kecederaan dan patah-patah di muka yang berikut:

'puncture wound in left eye'
'sublingual haematoma in left eye'
'circumobital haematoma in right eye'
'sub-conjunctoval haemotoma in right eye'
'bleeding nostrils'
'bleeding mouth'
'fracture left body of mandible'
'fracture right zygoma'
'fracture right orbit bone'
'fracture right Maxilla - Lee Fort II (lateral and medial wall of right maxillary sinus)
'fracture left lateral and medial wall maxillary sinus'

Patah 'left body of mandible' telah dibedah pada 19 June 1985 dan 'transverse wiring' telah dimasukkan. Terdapat 'palpable bony deformity of the left lower jaw' atas mana ia sedar. Patah 'lower jaw' telah pulih tetapi dengan 'overriding of the fractured ends'. Kadangkala ia berasa sakit dalam mulut yang disebabkan oleh jahitan dawai apabila kunyah ketika makan. Dalam kes *Ngooi Ku Siong Anor v. Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 31 Mahkamah Persekutuan (ketika itu) di m.s. 32 di ruangan kiri perenggan AB telah berkata:

> We are of the opinion that the fracture and other connected injuries should be assessed together and not separately and then just added up at the end because they are not separate heads of compensation.

Dengan berpandukan kepada kes ini dan kes *Muniandy & Anor. v. Mohamed bin Abdul Ghani* [1986] 1 MLJ 341, memandangkan yang kelima-lima patah tersebut itu saya membuat awad sebanyak RM30,000 atas kecederaan ini selepas mengambilkira 'overlapping'.

(4) Kecederaan - kecederaan dalam bahagian perut

(a) spleenectomy

Dibuktikan yang plaintif kedua akan lebih terdedah kepada jangkitan disebabkan pengeluaran 'spleen'. Dengan berpandukan kepada kes *Chua Kia v. Goh Kian Tiong & Anor.* (Digest 1539 November 1989) saya membuat awad sebanyak RM8,000.

(b) nephrectomy (kiri)

Dibuktikan yang kehilangan buah pinggang kiri membuatkannya 'relatively vulnerable' dan oleh itu, ia memerlukan perhatian perubatan untuk 'maintain' fungsi buah pinggang kanan dan selanjutnya perhatian kepada jangkitan 'urinary' dan sebagainya adalah penting. Dengan berpandukan kepada kes *Rasul bin Rabdar Loh Ah Mudy* (Digest 78 January, 1989) saya membuat awad sebanyak RM20,000.

(c) luka di hati (liver laceration)

Dengan berpandukan kepada kes *Lau Ee Ee v. Tang King Kwong* [1986] 1 MLJ 308 saya membuat awad sebanyak RM5,000.

Awad bagi kesemua kecederaan adalah diringkaskan seperti berikut -

(1)	Kecederaan di tangan kanan	RM10,000
(2)	Kecederaan di tangan kiri	RM20,000
(3)	Kecederaan di muka	RM30,000
(4)	Kecederaan-kecederaan dalam perut	
	(a) spleenectomy	RM 8,000
	(b) nephrectomy (kiri)	RM20,000
	(c) luka di hati (liver laceration)	RM 5,000
		RM93,000

Plaintif kedua juga menuntut gantirugi untuk ketidakupayaan bagi membuat kerja-kerja rumah yang lebih berat. Telah dibuktikan bahawa akibat patah tulang kedua-dua belah tangan ia tidak boleh membuat kerja-kerja rumah seperti sebelum kemalangan dahulu seperti mengangkat air dan membasuh lantai. Ia menjaga 3 orang anak yang masih bersekolah, dan kerja-kerja berat dibuat oleh suami barunya dan dibantu oleh anak-anaknya. Saya berpendapat bahawa ketika dalam rawatan sudah tentu ia tidak dapat membuat kerja-kerja rumah langsung dan terpaksa mengupahkan seseorang membuat kesemua kerja-kerja itu dan selepas rawatan ia boleh membuat kerja-kerja rumah kecuali kerja-kerja berat yang dikatakan tadi yang mana ia terpaksa mengupahkan seorang pekerja sambilan untuk membuat kerja-kerja berat itu yang pada pendapat saya tidak sebegitu mahal jika dibandingkan dengan pekerja sepenuh masa. Dengan berpandukan kepada kes-kes *Daly v. General Steam Navigation Co. Ltd.* [1980] 3 AER 696l; *Yang Salbiah & Anor v. Jamil bin Harun* [1981] 1 MLJ 292; *Balakrishnan s/o Kunjamboo Nair v. Savastine Anthony s/o Francis* [1991] 1 CLJ 503 dan karangan "Practical Approach to Assessment of Liability and Damages in Tort" oleh R.K. Nathan di m.s. 279-280, saya membuat awad seperti berikut:

(i)	Bagi tempoh dalam rawat -an iaitu, dari 31 Mei 1985 hingga keluar Hospital Besar, Seremban pada 23 Ogos 1985 (lihat Eksibit P. 4B) lebih kurang 3 bulan sebanyak RM200 sebulan	RM 600
(ii)	Dari tempoh keluar Hospital Besar, Seremban (23 Ogos 1985) sehingga sebelum perbicaraan lebih kurang 6 tahun 5 bulan sebanyak RM150 sebulan	RM11,550
(iii)	tempoh selepas perbicaraan mengambil 11 tahun sebagai multiplier sebanyak RM150 sebulan	RM19,500
		RM31,950

Oleh yang demikian saya membuat perintah-perintah seperti berikut -

(1) Defendan-defendan dikehendaki membayar plaintif pertama -

Gantirugi am bagi kehilangan kasih sayang (bereavement) di bawah s. 7(3A)	RM10,000
Gantirurgi am bagi kesakitan dan penderitaan	RM25,000
	RM35,000

(2) Defendan-defendan dikehendaki membayar plaintif kedua -

Gantirugi am atas kecederaan-kecederaan	RM 93,000
Gantirugi am untuk ketidakupayaan bagi membuat kerja-kerja rumah yang lebih berat	RM 31,950
	RM124,950

(3) Defendan-defendan hendaklah membayar plaintif-plaintif sebanyak RM3,300 sebagai gantirugi khas sepertimana dipersetujui.

(4) Faedah diberi sebanyak 8% setahun atas gantirugi am masing-masing dari tarikh penyerahan writ (14 Januari 1988) dan sebanyak 4% setahun atas gantirugi khas sebanyak RM3,300 dari tarikh kemalangan (31 mei 1985), kedua-duanya hingga ke tarikh Penghakiman diberi.

(5) Juga, bagi semua awad kecuali bagi awad sebanyak RM19,800 sepertimana disebutkan di perenggan (iii) diatas faedah diberi sebanyak 8% setahun dari tarikh Penghakiman hingga pembayaran selesai dibuat.

(6) Kos hendaklah ditaksirkan.